

Hubungan Malaysia-Brunei terus akrab

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan hubungan dua hala Malaysia dan Brunei berada pada tahap terbaik ketika ini.

Perdana Menteri berkata, lawatan rasmi Putera Mahkota Brunei, Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Sultan Hassanal Bolkiah ke Malaysia adalah isyarat penting kepada negara bahawa seluruh pimpinan Brunei tekad meningkatkan kerjasama dua hala.

“Kehadiran Putera Mahkota Brunei menunjukkan seluruh kekuatan dan kepimpinan Brunei bersama dan tekad meningkatkan kerjasama,” katanya kepada media selepas majlis makan tengah hari sempena kunjungan hormat Putera Mahkota Brunei, di sini, semalam.

Terdahulu, Anwar menerima kunjungan hormat baginda yang juga Menteri Kanan di Pejabat Perdana Menteri Brunei bersama isteri, Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Kompleks Seri Perdana.

Ketibaan Putera Mahkota Brunei yang dalam lawatan rasmi lima hari ke Malaysia sehingga 21 Ogos ini, turut disambut isteri



Anwar menerima kunjungan hormat Putera Mahkota Brunei di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Pada pertemuan semalam, antara perkara dibincangkan, termasuk memperkukuh hubungan dua hala, antaranya bidang pertahanan, latihan, industri, teknologi, Islam serta kebudayaan dan bahasa Melayu yang akan mem-

beri manfaat dan peluang kepada rakyat di kedua-dua negara.

Anwar berkata, beliau dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah sebelum ini telah mengadakan mesyuarat dua hala bagi membincangkan kemajuan kerjasama antara kedua-dua negara.